

Perjuangan: Dekad perjuangan cabaran

Rakyat perlu usaha lebih gigih

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menggesa setiap individu dan golongan rakyat menjadikan dekad 80-an sebagai satu dekad untuk gigih berusaha memingkatkan daya pengeluaran mereka dan daya pengeluaran semua sektor serta kegiatan ekonomi.

Perdana Menteri menegaskan, dekad 80-an hendaklah dijadikan dekad menukar sikap dari memberi keutamaan terhadap diri sendiri kepada sikap memberi keutamaan terhadap agama, bangsa dan tanahair.

Bellau membuat gesaan itu dalam perutusan melalui Radio dan Televisyen Malaysia sempena menyambut Hari Kebangsaan esok.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, rakyat hendaklah sadar segala sumber tenaga, masa, fikiran dan modal perlu digunakan sepenuhnya bagi menggerakkan negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Tidak siapa pun dapat menoleng mereka yang tidak berusaha dengan jujur menggunakan tenaga, masa, fikiran dan modal bagi kebaikan dirinya, tambah bellau.

Memajukan diri

Walaupun kerajaan telah, sedang dan akan berusaha bagi membolehkan rakyat memajukan diri dan memperbaiki kehidupan mereka, faedah-faedah pembangunan tidak mungkin dapat dinikmati sepenuhnya oleh mereka yang tidak bersedia menggunakan sumber-sumber yang disediakan itu.

Bagaimanapun, ketanya, kemajuan ekonomi tidak mempunyai erti sekiranya rakyat terumbang-ambing tanpa panduan hidup yang mulia dan keperibadian yang tinggi.

Tegas bellau, tidak sepek kehaberdan dan kerohanian yang begitu erat hubungannya tidak harus terpisah dalam pembangunan negara kerana perseimbangan antara keduanya akan menjadikan rakyat sebagai satu bangsa yang kuat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata,

ketika menyambut Hari Kebangsaan ini, mereka sebagai rakyat yang insan dan bertanggungjawab hendaklah memperkukuhkan tekad dan azam bukan sahaja untuk mengisi kemerdekaan tetapi juga untuk memeliharanya bagi mereka dan generasi akan datang.

"Untuk makuad ini, kita perlu mempunyai semangat cintakan negara dan kesanggupan serta kemampuan mempertahankannya walaupun dengan nyawa," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, Hari Kebangsaan harus memberi rasa keinsafan yang mendalam kepada rakyat terhadap segala rupa dan bentuk pengorbanan serta sumbangan pejuang-pejuang kebangsaan, negarawan-negarawan dan tokoh-tokoh dalam memelihara kedaulatan serta menjamin kesejahteraan dan kemajuan rakyat serta negara.

Pandangan jelas

Sambil sentiasa menginsafi sejarah suka-duka yang dilalui, rakyat perlu sentiasa mempunyai pandangan yang jelas tentang masa depan yang mereka ingin, yang penuh kesejahteraan, kemakmuran, kemajuan dan kebahagiaan.

Pandangan itu yang merupakan haari rakyat adalah menjadi tujuan dasar-dasar kerajaan dan perhalalan serta tenaga sentiasa ditumpukan untuk menjamin pencapaiannya, tegas bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, setiap rakyat mempunyai peranan dan tanggungjawab yang khusus dan penting dalam pembangunan negara dan mestilah melaksanakannya dengan tekun, jujur dan berdisiplin.

"Tanya Allah jika kita semua menjalankan tugas kita dengan sempurna, tidak akan ada orang lain yang tidak menjalankan tugas. Sebaliknya, jika kita menanti-nantikan orang lain, maka tidak siapapun yang mengorak langkah pertama," kata bellau.

Dalam perutusan Hari Kebangsaan, Presiden MIC, Datuk S. S. Sany Vella, berkata pelancaran Rancangan Malaysia Keempat April lalu dan pembetukan kerajaan baru merupakan lembaran baru di dalam sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Bellau juga menguji Kerjaya dan Kemudahan Awam, berkata perubahan kepimpinan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bulan lalu berlaku dengan lincin dan diterima oleh seluruh rakyat.

Katanya, rakyat Malaysia berbangsa dengan tradisi peralihan kepimpinan yang unik yang jarang-jarang berlaku di negara-negara lain.

No. Siri... 12, 395
No. Penerbitan... 4208/87